

**PHILANTHROPY CULTURE & WAQF CONTRIBUTION FOR ISLAMIC
EDUCATION IN BRUNEI DARUSSALAM**

**BUDAYA FILANTROPI & SUMBANGAN WAKAF UNTUK PENDIDIKAN ISLAM DI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Mas Nooraini Mohiddin¹

¹ (*Corresponding author*). Dekan, Fakulti Syariah & Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA). Brunei Darussalam. masnooraini.mohiddin@unissa.edu.bn

Abstract	<p><i>The success of philanthropy in improving society's, development and economy is not a mitos. Actually, the history shows it exists and sustainable until nowadays, as it is managed effectively and efficiency. Philanthropy is a new term among Muslim societies, however the element and concept has long been implemented in Islam a long time ago. Islamic philanthropy refers to zakat, infaq, sadaqah and waqf. The beneficiaries of philanthropy are not only limited in certain fields a comprised of all aspects of life including education. Lack of budget for education is not a new issue, however it has become a main discussion among researchers. This research is to identify the status of philanthropy and waqf especially in Islamic education in Brunei Darussalam. The research methodology will use qualitative descriptive by analysing the content. It will review the secondary data information especially journals and articles. Library research will also be done by referring to the books, conference papers, articles and relevant websites. Waqf for Islamic education in Brunei is not significant. This is because majority of Islamic education in Brunei is owned by the government from the primary to higher education. So there is no issues on lack of budget for maintenance and administration. However, the reduction for education budget starts to happen and appear due to economics global that effect the whole world including Brunei. It is time to utilise the benefit of waqf as an alternative to become more independent in order to establish waqf Islamic education due to revolutionary industrial changes and increase of education cost and management. By the implementation of waqf education also prepare institutions to become an independent and not solely relying on government.</i></p> <p>Keywords: <i>Philanthropy, Education, Waqf, Development, Economy.</i></p>
Abstrak	<p><i>Kejayaan filantropi dalam sama-sama mewujudkan kesejahteraan masyarakat, pembangunan serta meningkatkan ekonomi negara bukanlah satu mitos. Bahkan banyak bukti sejarah menunjukkan kewujudan dan kelestariannya hingga sekarang jika diurus dan di tadbir secara efektif dan efisien. Filantropi merupakan satu istilah yang agak baharu dalam kalangan umat Islam, namun elemen dan konsep yang ada dalam filantropi sudah lama di terapkan dan di amalkan dalam Islam. Filantropi Islam merujuk kepada kepada zakat, infaq, sedekah dan wakaf. Manfaat filantropi bukan hanya sekadar dalam lapangan tertentu sahaja bahkan merangkumi semua aspek</i></p>

	<p><i>kehidupan termasuklah juga pendidikan. Isu kekurangan peruntukan bagi pendidikan bukanlah suatu perkara baru bahkan isu tersebut telah mula menjadi fokus perbincangan banyak pengkaji pada masa kini. Kajian ini melihat kedudukan filantropi dan sumbangan wakaf khususnya untuk pendidikan Islam di Negara Brunei Darussalam. Metodologi penyelidikan yang diguna pakai adalah secara kualitatif deskriptif dengan menggunakan analisis kandungan sebagai kaedah penganalisan. Analisis dilakukan dengan meneliti maklumat data sekunder terutama penulisan, jurnal dan artikel. Kajian perpustakaan dijalankan dengan bersumberkan buku, kertas seminar, laman sesawang yang berkaitan. Sumbangan wakaf untuk pendidikan di Brunei Darussalam boleh di katakan tidak menonjol dan menyerlah. Ini disebabkan majoriti pendidikan Islam di Brunei adalah milik Kerajaan bermula dari peringkat Rendah hingga lah ke peringkat Institusi Pengajian Tinggi. Justeru, tidak timbul isu kekurangan peruntukan bagi penyelenggaraan dan pengurusan. Meskipun demikian pengurangan peruntukan belanjawan bagi pendidikan adalah semakin ketara sejak akhir ini, disebabkan oleh kejatuhan ekonomi global yang masih terasa kesannya. Kini tiba masanya untuk memanfaatkan semaksimum mungkin keunikan wakaf sebagai alternatif terbaik untuk berdikari atau mandiri dalam mewujudkan pendidikan Islam melihat kepada tuntutan perubahan revolusi industri yang mendesak, serta kos pengajian dan pengurusan yang dijangka semakin meningkat dan dalam masa yang sama mampu meringankan bebanan Kerajaan.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Filantropi, Pendidikan Islam, Wakaf, Pembangunan, Ekonomi.</i></p>
--	---

PENDAHULUAN

Kejayaan filantropi dalam sama-sama mewujudkan kesejahteraan masyarakat, membangunkan serta meningkatkan ekonomi negara bukanlah satu mitos. Bahkan banyak bukti sejarah menunjukkan kewujudan dan kelestariannya hingga sekarang jika diurus dan di tadbir secara efektif dan efisien. Manfaat filantropi bukan hanya sekadar dalam lapangan tertentu sahaja bahkan merangkumi semua aspek kehidupan termasuklah juga pendidikan. Pendidikan berteraskan Islam telah memainkan peranan penting dalam melahirkan negara dan bangsa yang berpegang teguh kepada ajaran Islam.

KONSEP FILANTROPI

Konsep tolong menolong yang ada dalam filantropi menunjukkan bagaimana sesuatu itu tidak hanya dapat di rasakan oleh orang kaya bahkan masih boleh di nikmati oleh semua masyarakat dari pelbagai golongan.

Istilah filantropi dalam bahasa Melayu adalah berasal dari Bahasa Greek atau Yunani. Istilah *philantrophy* bermaksud kebaikan, kemanusiaan, kebajikan, kasih sayang kepada manusia, sama ada dengan Tuhan, manusia atau sesuatu benda. Dari sudut bahasa, ia bermaksud manusia penyayang, yang digunakan untuk mengalakkan perkara kebajikan kepada orang lain sama ada melalui derma, amal dan sebagainya (Oxford, 2017).

Secara umum filantropi sama ada sukarela atau kewajipan moral adalah merujuk kepada aktiviti kebajikan sama ada bentuk pemberian material atau bukan untuk membantu memenuhi keperluan orang lain. Dari aspek lain, aktiviti filantropi membantu mengatasi masalah ketidakadilan ekonomi dan sosial dalam sesebuah masyarakat melalui rasa kepedulian terhadap orang lain (Ilchman *et al.*, 2006).

Manakala Robert H. (1960) memandang kepada tujuan utama filantropi adalah meningkatkan kualiti hidup. Bahkan beliau juga menyimpulkan bahawa filantropi membawa maksud inisiatif persendirian sama ada individu, persatuan mahupun badan bukan kerajaan (NGO) yang dilakukan untuk kebaikan dan kemaslahatan umum yang

memfokuskan kepada peningkatan kualiti hidup. Daripada definisi-definisi yang diberikan, skop sumbangan yang diberikan tidak terbatas kepada sumbangan material semata-mata. Begitu pun dari segi amalan semasa, sumbangan dalam filantropi adalah berbentuk material. Manakala sumbangan dengan sukarela disebut kesukarelawan.

Kamus Dewan (2007) turut memberi maksud yang sama bagi filantropi seperti rasa kasih sayang terhadap manusia atau kedermawanan. Dapat lah di rumuskan bahawa filantropi dalam konteks moden secara mudah boleh diertikan sebagai sumbangan yang di berikan kepada orang lain atau kemaslahatan umum secara sukarela atas dasar rasa cinta kepada manusia (Wan Mohd Yusof et al., 2018).

Bahkan beberapa perkara perlu di tekankan dalam penggunaan istilah filantropi mengikut sistem ekonomi konvensional iaitu pihak bukan kerajaan (Wan Mohd Yusof et al., 2018). Ini bermaksud jika pihak Kerajaan yang menyumbang bagi tujuan kemaslahatan umum bukan dianggap sebagai filantropi jika merujuk kepada fahaman tersebut.

Konsep filantropi ini telah di praktikan sejak ribuan tahun dahulu bagi membantu kehidupan manusia tanpa mengira bangsa, agama dan kepercayaan (Razali, 2019). Malah konsep ini wujud dalam semua agama termasuk Islam, Kristian, Yahudi, Hindu dan sebagainya (Ilchman et al., 2006).

Perkataan filantropi tidak disebut secara khusus dalam perbahasan Fiqh Islam (Wan Mohd Yusof et al., 2018). Meskipun ianya merupakan istilah yang tidak dikenali pada awal Islam, namun elemen yang ada dalam filantropi sudah lama di terapkan dan di amalkan dalam Islam (Husnatul Mahmudah, 2019).

Filantropi Islam menurut Azyumardi (2015) ialah merujuk kepada zakat, infaq, sedekah dan wakaf. Walau bagaimana pun, Najahuddin et al., (2017) lebih condong kepada maksud *sadaqah* yang turut meliputi material dan spiritual. *Sadaqah* material adalah seperti *sadaqah* wajib (zakat) *sadaqah* sunat (derma infaq), *sadaqah jariah* (wakaf) sementara *sadaqah* spiritual seperti amal kebajikan, mencegah kemungkaran, mengajar ilmu, kesukarelawan dan sebagainya.

Persoalan inilah yang telah ditanyakan oleh orang-orang Muhajirin yang terpaksa meninggalkan harta benda mereka di Mekah ketika berhijrah Ke Madinah. Kesedihan dan kekusaran mereka kerana tidak dapat membantu orang lain dengan bersedekah seperti saudara Ansar mereka telah dijawab oleh Rasulullah SAW dengan sabdanya yang bermaksud: Dari Abu Dzar r.a. berkata, bahawasanya sahabat-sahabat Rasulullah SAW berkata kepada beliau:

“Wahai Rasulullah SAW, orang-orang kaya telah mendapat banyak pahala. Mereka solat sebagaimana kami solat, mereka berpuasa sebagaimana kami berpuasa, namun mereka dapat bersedekah dengan kelebihan hartanya.” Rasulullah SAW bersabda, “Bukankah Allah telah menjadikan untuk mu sesuatu yang dapat disedekahkan? Iaitu, setiap kali tasbeeh adalah sedekah, setiap tahmid adalah sedekah, setiap tahlil adalah sedekah, menyuruh pada kebaikan adalah sedekah, melarang kemungkaran adalah sedekah, dan hubungan intim kalian (dengan isteri) adalah sedekah.” Para sahabat bertanya, “Wahai Rasulullah SAW, apakah salah seorang di antara kami melampiaskan syahwatnya dan dia mendapatkan pahala?” Rasulullah SAW menjawab, “Bagaimana pendapat kalian jika ia melampiaskan syahwatnya pada yang haram, apakah dia berdosa? Demikian juga jika melampiaskannya pada yang halal, maka dia mendapatkan pahala.” (Hadis. Muslim, Kitab Al-Zakah: Bab Bayan Anna Isma al-Sadaqah Yaqa’u Ala Kulli Naw’ Min al-Ma’ruf. No. 1006).

Hadis di atas jelas menunjukkan bahawa kedermawanan dalam Islam bukan sekadar menyumbang dalam bentuk harta atau wang ringgit sahaja. Kedermawanan dalam Islam turut merangkumi apa sahaja amalan baik yang dilakukan untuk mendapatkan keredaan Allah SWT. Amalan kebaikan ini termasuklah dalam bentuk ibadah mahupun dalam bentuk aktiviti yang secara zahirnya tidak nampak seperti *bertaqarrub* kepada Allah SWT dengan bertasbeeh, bertahmid, bertahlil, amar makruf nahi mungkar, hubungan intim suami dan isteri, bekerja dan memberi nafkah pada sanak keluarganya, membantu urusan

orang lain, meleraikan dua orang yang berselisih, menjenguk orang sakit, memberikan senyuman dan berlumba-lumba dalam amal sehari-hari (Razali, 2017).

Menurut Wan Mohd Yusor et al., (2018), secara amnya filantropi lebih sesuai dikaitkan dengan pemberian yang digalakkan (sunnat) sahaja, namun kerana keperluan tertentu atau dalam keadaan mendesak yang menyebabkan bantuan dan sumbangan mesti di laksanakan demi memastikan keperluan darurat pihak berkeperluan, yang sunnat boleh berubah menjadi wajib seperti *wasiyah al-wajibah* yang diwajibkan ke atas seorang datuk demi memastikan keselamatan cucu yang kematian bapa.

Ajaran filantropi dalam al-Quran banyak disebutkan di antaranya dijelaskan dalam firman Allah dalam Surah al-Hadid ayat 10-11 yang bermaksud:

“Dan mengapa kamu tidak menafkahkan (sebahagian harta mu) pada jalan Allah, padahal Allah lah mempunyai langit dan bumi. Tidak sama di antara kamu orang yang menafkahkan hartanya dan berperang sebelum penaklukan (Mekah). Mereka lebih tinggi darjatnya daripada orang-orang yang menafkahkan (hartanya) dan berperang sesudah itu. Allah menjanjikan kepada masing-masing mereka (balasan) yang lebih baik”.

Sementara itu dalam hadis jelas menyatakan kelebihan sedekah bahawa Nabi saw bersabda:

“Perbuatan baik itu menjadi penghalang bagi jalannya keburukan, sedekah sembunyi-sembunyi dapat memadamkan amarah Tuhan, silaturrahim dapat memperpanjang umur, dan setiap kebaikan adalah sadaqah. Pemilik kebaikan di dunia adalah pemilik kebaikan di akhirat dan pemilik keburukan di dunia adalah pemilik keburukan di akhirat dan yang pertama masuk syurga adalah pemilik kebaikan” (Hadis. Al-Tabrani) (Ismail, Muhammad al-Ajluni al-Jarahi, t.th).

Sayid Qutb (2000) menyatakan bahawa sedekah merupakan metode yang sangat efektif untuk membangkitkan perasaan dan menimbulkan kesan-kesan yang hidup dalam jiwa manusia. Justeru, harta yang disedekahkan akan berkembang dan memberikan keberkatan kepada pemiliknya.

KEUNIKAN FILANTROPI ISLAM

Filantropi yang diwujudkan oleh masyarakat Islam dari dulu hingga sekarang dalam pelbagai bentuk seperti wakaf, sedekah, zakat, infaq, hibah dan hadiah (Abdiansyah, 2015). Filantropi Islam adalah istilah baru yang mula di kenali dan lebih sinonim dengan terma sedekah (*sadaqah*).

Kesyumulan istilah *sadaqah* menyebabkannya berbeza dengan filantropi Barat iaitu turut mempunyai ruh dan bukannya jasad semata-mata serta turut merangkumi elemen zahir batin. Ini bermakna *sadaqah* dalam Islam mempunyai dorongan hidup beragama serta dosa pahala di mana elemen keagamaan berhubung kait. Dalam erti kata lain, filantropi Islam adalah perkara kebaikan yang dilakukan oleh manusia terhadap makhluk lain dengan objektif akhir untuk mendekatkan diri serta mencapai keredaan Allah (Najahudin et al., 2017).

Ini terbukti dalam al-Quran surah al-Imran ayat 92 yang bermaksud:

“Kamu sekali-kali tidak sampai kepada kebajikan (yang sempurna) sebelum kamu menafkahkan sebahagian harta yang kamu cintai, dan apa saja yang kamu nafkahkan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya”.

Ayat tersebut menunjukkan sasaran terakhir dari kedermawanan adalah tercapainya kebajikan yang sempurna. *Al-Birr* (kebajikan) menggambarkan kesempurnaan yang terdiri dari kelapangan dada, kejujuran dan ketaatan iaitu kesempurnaan zahir melalui material dan batin melalui spiritual (Muhammad, 2014).

Galakan dan ganjaran bagi yang melakukan kebajikan banyak di sebut dalam ayat al-Quran seperti firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 261-262 yang bermaksud:

“Perumpamaan (*nafkah yang dikeluarkan*) oleh orang-orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah adalah serupa dengan sebutir benih yang menumbuhkan tujuh tujuh butir pada setiap butir seratus biji. Allah melipat gandakan (*ganjaran*) bagi siapa yang Dia kehendaki dan Allah Maha luas kurnianya dan lagi Maha mengetahui.

Dan dalam surah al-hadid ayat 7 yang bermaksud:

“Maka orang-orang yang beriman di antara kamu dan menafkahkan (*sebahagian*) hartanya memperoleh pahala yang besar.

Berdasarkan kepada al-Quran dan hadis, filantropi Islam dapat diklasifikasikan dalam beberapa bentuk iaitu, zakat, wakaf, *infaq*, hibah dan hadiah. Secara umum bentuk filantropi Islam yang menjurus kepada pengukuhan ekonomi Islam secara umum ialah zakat, wakaf dan sadaqah. Sistem pengagihan sosial ini diciptakan untuk memastikan keseimbangan pendapatan dalam kalangan masyarakat. Memandangkan tidak semua orang berkemampuan dan bernasib baik, justeru Islam memastikan pengagihan dalam kalangan mereka dalam bentuk zakat, wakaf, *infaq* dan sedekah (Amalia, 2009).

Zakat, *infaq* dan sedekah mampu mengintergrasikan dua aspek sekaligus iaitu aspek spiritual dan aspek material. Oleh kerana itu, zakat, *infaq* dan sedekah adalah instrumen Islam yang paling efektif dalam membasmi kemiskinan material dan kemiskinan spiritual secara bersamaan (Agusmal, 2019).

Kata sedekah berasal dari bahasa Arab iaitu *sadaqa* bererti benar. Menurut terminologi sedekah sama pengertian dengan *infaq* cuma sahaja *infaq* berkaitan dengan material sedangkan sedekah adalah lebih luas termasuk material dan bukan material (Makhrus & Utami, 2015) seperti sedekah melalui senyuman. Terma sedekah yang digunakan dalam al-Quran dan hadis memberikan pelbagai makna seperti maksud zakat dalam surah al-Taubah ayat 60. Dalam keadaan lain memberi maksud sumbangan yang bersifat sukarela seperti dalam surah al-Imran ayat 92 dan dalam ayat lain dimaksudkan pula dengan *infaq* dalam surah al-Baqarah ayat 215.¹

Islam telah menggariskan tentang kewajipan pemberian kelebihan harta seseorang, sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 219 yang bermaksud:

“Dan mereka bertanya kepada mu tentang apa yang mereka nafkah kan. Katakanlah: yang lebih dari keperluan. Demikianlah Allah menerangkan ayat-ayat Nya kepada mu supaya kamu berfikir”.

Menurut al-Qaradawi (2008), al-Quran menetapkan *infaq* berupa sebahagian daripada rezeki Allah yang bermaksud yang di nafkah kan itu hanyalah sebahagian sahaja, sedangkan sebahagian lain di simpan dan dikembangkan untuk kegiatan produktif. Oleh sebab itu, Islam mengajarkan manusia untuk suka memberi berdasarkan kebajikan, kebaktian dan keikhlasan serta melalui cara-cara yang baik. Kerana *infaq* merupakan amalan yang mulia jika dilakukan dengan ikhlas semata-mata kerana Allah, maka akan mendapat pahala yang baik di akhirat kelak (Udin, 2016).

Infaq berasal dari bahasa Arab iaitu (*anfaqa-yunfiq-infaaqan*) yang bermakna mengeluarkan atau membelanjakan harta. *Infaq* dapat didefinisikan memberikan sesuatu kepada orang lain untuk suatu kepentingan yang diperintahkan oleh ajaran agama Islam (Hafifuddin, 2002). *Infaq* merupakan pemberian di mana jumlah yang dikeluarkan tidak ditentukan oleh Allah dan tergantung pada tingkat kemampuan seseorang.

Dalam pandangan Islam, *infaq* merupakan ibadah sunah. *Berinfraq* daripada sebahagian harta adalah suatu yang sangat mulia. *Infaq* merupakan salah satu perbuatan yang amat berkesan dalam kehidupan manusia dalam mencapai kebahagiaan hidup, baik di dunia dan di akhirat. *Infaq* dalam ajaran Islam adalah sesuatu yang bernilai ibadah

¹ Dalam Hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari di sebutkan: { إِذَا أَتَقَّقَ الْمُسْلِمُ نَفَقَةً عَلَىٰ أَهْلِهِ وَهُوَ يَحْتَسِبُهَا كَانَتْ لَهُ صَدَقَةً }
Maksudnya: “Jika seorang suami memberi nafkah kepada keluarganya dalam keadaan mengharap pahala dari Allah, maka nafkah tadi dianggap sebagai sedekah nya.

diperuntukkan kepada kemaslahatan umat. Erti *infaq* dalam bentuk yang umum ialah mengorbankan harta pada jalan Allah yang dapat menjamin segala keperluan manusia menurut tata cara yang diatur oleh hukum (Bably, 1990).

Amalan filantropi sudah lama dilaksanakan sejak zaman Nabi Muhammad SAW melalui ayat al-Quran seperti perintah menunaikan zakat untuk menyucikan hati seperti yang dijelaskan dalam surah al-Taubah ayat 103.

Zakat adalah rukun Islam, juga kewajipan setiap Muslim yang memenuhi syarat yang ditetapkan. Pensyariatkan rukun ini merupakan sejumlah disiplin yang disyariatkan oleh Allah SWT untuk membetulkan sikap manusia agar bersesuaian dengan syarat kebahagiaan bagi perkumpulan manusia. Tugas zakat adalah untuk mengawasi agar perkembangan pendapatan setiap individu tidak melebihi pertimbangan keadilan antara setiap individu, juga agar perkembangan tunduk di bawah asas kecukupan diri untuk semua manusia (Mustofa *et al.*, 2014). Zakat bukanlah satu kegiatan yang semata-mata untuk tujuan duniawi seperti pengagihan pendapatan, pengukuhan ekonomi tetapi juga mempunyai implikasi untuk kehidupan di akhirat (Udin, 2016).

Zakat hanya boleh di agihkan kepada lapan golongan sahaja berdasarkan surah al-Taubah ayat 60 iaitu fakir, miskin, amil, mualaf, *riqab* (hamba) orang yang berhutang, *fi sabilillah* (orang yang berjuang di jalan Allah dan *ibn sabil*. Menurut Zarina *et al.*, (2012) kepentingan pelaksanaan zakat di sesebuah negara adalah bagi menjamin keadilan dan kestabilan sosial serta merapatkan jurang pendapatan antara masyarakat dan menghindari daripada berlakunya permusuhan dan membantu keseimbangan pendapatan negara melalui pengagihan pendapatan daripada golongan kaya kepada kumpulan miskin.

Falsafah zakat juga menggambarkan keseimbangan sosial di dalam Islam. Semakin kaya sesebuah masyarakat, semakin meningkat kutipan zakat. Semakin meningkat kutipan zakat bermakna semakin terbela golongan asnaf zakat. Inilah keindahan hukum dan syariat zakat ini, sehinggakan di dalam lipatan sejarah ia amat berkesan semasa pelaksanaannya pada zaman Rasulullah saw (Zarina *et al.*, 2012).

Zakat menduduki tempat terpenting dalam dasar dan operasi fiskal Islam. Ia dianggap sebagai alat fiskal semula jadi yang diciptakan oleh Allah SWT dan berfungsi sebagai pendapatan secara adil serta penggalak kegiatan ekonomi negara (Faridi, 1983). Berbeza dengan dasar fiskal konvensional, dasar fiskal Islam mengiktiraf zakat sebagai instrumen di samping cukai dan perbelanjaan kerajaan.

Banyak kajian telah dijalankan berjaya membuktikan potensi zakat sebagai pemangkin ekonomi di lebih-lebih lagi di saat kecemasan antaranya kajian dijalankan oleh Patmahwati (2006) mendapati agihan zakat mampu mengurangkan kadar kemiskinan, jurang kemiskinan dan tekanan kemiskinan yang dialami oleh golongan kurang berkemampuan. Dalam kajian Fuadah (2004) pula mendapati keberkesanan zakat mampu mengeluarkan sebanyak 30% responden daripada golongan fakir miskin.

Jika zakat adalah instrumen yang wajib dalam Islam dan khusus di tujukan kepada golongan tertentu, wakaf pula adalah perkara yang di haruskan atas dasar kesukarelaan sama seperti sedekah cuma yang membezakan antara keduanya ialah wakaf dalam bentuk dana kekal dan manfaatnya berterusan yang menjadikannya 'luar biasa' dari format filantropi Islam yang lain.

Wakaf ialah suatu bentuk penyerahan harta sama ada secara (*sorih*) terang, atau (*kinayah*) sindiran, di mana harta berkenaan ditahan dan hanya manfaatnya sahaja yang diaplikasikan untuk tujuan-tujuan kebajikan sama ada berbentuk umum mahupun khusus (Asmak, 2009).

Sebuah hadis daripada Abu Hurairah telah menjelaskan bahawa Rasulullah SAW telah bersabda:

"Apabila mati seorang anak Adam, maka terputuslah pahala amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah atau ilmu yang dimanfaatkan dengannya atau anak yang soleh yang sentiasa mendoakannya." (Al-Nawawi, 1994).

Makna 'sedekah jariyah' dalam hadis diatas memberi maksud wakaf sepertimana yang telah ditafsirkan oleh ulama. Kerana pahala sedekah jariyah itu berterusan walaupun pewakif itu telah meninggal dunia berbanding dengan sedekah yang lain yang pahalanya tidak berpanjangan (Al-Khatib Al-Syarbini, 1997).

Kredibiliti wakaf dalam usaha mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan ekonomi negara telah terbukti melalui sejarah. Wakaf telaga 'Rumah' yang telah diwakafkan oleh Saidina Othman iaitu salah seorang sahabat Nabi merupakan contoh wakaf yang terbaik yang masih kekal hingga ke hari ini. Di tapak itu telah dibina hotel mewah dengan pendapatan tahunan mencecah 50 juta Riyal Saudi² dan maksud pewakif masih dikekalkan iaitu 50% dari pendapat dikhususkan buat mereka yang memerlukannya. Apa yang menariknya ialah setelah 1,400 tahun berlalu, bermula dari wakaf itu dibina hinggalah sekarang masih wujud satu akaun Saidina Utman Affan di salah sebuah bank di Madinah (Ali Hashim, 2013).

Wakaf berpotensi mengukuhkan ekonomi orang Islam melalui mekanisme pengagihan harta jika ianya ditabdir secara efektif dan efisien (Gharaulahuddin, 1999). Terutama sekali dalam menyediakan pelbagai kemudahan untuk orang ramai untuk kebajikan ummah. Pelbagai jenis harta yang bolih di wakafkan selama mana ianya bernilai dan dapat diambil manfaat darinya 'berulang kali' sepertimana yang digariskan dalam syariah. Samada harta tersebut terdiri dari hak alih maupun harta tak alih termasuklah binatang, kelengkapan peperangan, peralatan pertanian, buku dan juga wang tunai.

Menurut Mustafa Edwin Nasution dan Uswatun Hasanah (2005) wakaf adalah salah satu instrumen ekonomi Islam yang sangat berpotensi untuk meningkatkan kesejahteraan sosial. Ia berperanan besar dalam membantu menyelesaikan masalah sosial ekonomi masyarakat jika dikendalikan dan diurus secara profesional dan produktif.

Wakaf bukan sahaja mampu meningkatkan kebajikan orang ramai bahkan membantu kerajaan menaikkan mutu kehidupan masyarakat (Jamil, 2007). Kemampuan wakaf mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan ekonomi negara mampu mengurangkan tanggungan telah di buktikan oleh sejarah.

Wakaf adalah salah satu institusi ekonomi Islam yang menggabungkan elemen rohaniah dan kebendaan. Justeru itulah ia dikatakan satu institusi pembangunan ekonomi ummah yang seimbang dan penting kepada masyarakat Islam khususnya (Abdul Hamid, 1980 dalam Mohd Saharudin *et.al.*, 2003). Ini terbukti berdasarkan pengalaman wakaf dalam membangunkan ekonomi ummah di negara Mesir, Turki, Arab Saudi dan Kuwait.

Kekuatan yang ada dalam filantropi Islam ialah wakaf kerana keunikannya dibandingkan dengan yang lain. 'Dana Abadi' atau 'Dana Kekal' sesuai dengan konsep wakaf tidak seperti derma dan zakat yang biasanya akan habis diagihkan tanpa menafikan ia mempunyai kedudukan penting dalam menyelesaikan masalah ummah.

Wakaf amat relevan dengan realiti semasa ini. Sebagai harta memberikan manfaat kekal kepada penerima berhak, penggunaannya tidak akan menghabiskan harta diwakafkan. Malah, boleh digunakan berkali-kali. Contohnya, pewakaf mewakafkan wang dan dilaburkan pentadbir wakaf. Wang modal masih boleh digunakan untuk pelaburan selanjutnya kerana hasilnya sahaja digunakan untuk penerima wakaf. Sifat kekal ini tidak ada pada derma dan zakat yang biasanya akan habis diagihkan tanpa menafikan ia mempunyai kedudukan penting dalam menyelesaikan masalah ummah. Wakaf berpotensi tinggi menjana pulangan harta berlipat kali ganda bagi kelestarian ummah dan negara. Orang Islam dan bukan Islam boleh berwakaf serta mendapat faedah daripada harta atau hasil diwakafkan (Siti Mashitoh, 2020).

Oleh itu, kaedah pengumpulan harta wakaf merupakan satu pendekatan yang relevan dalam menyusun masyarakat dan seterusnya membangun kekuatan ekonomi. Peranan wakaf harus dimanfaatkan dalam pembangunan ummah dan ia boleh direncanakan untuk memajukan sektor utama dalam kehidupan masyarakat misalnya pembangunan pendidikan, kebajikan serta kesihatan. Tidak dapat di nafikan lagi wakaf

² 50 juta Riyal Saudi bersamaan dengan 13.34 juta US dollar.

berpotensi tinggi menjana pulangan harta berlipat kali ganda bagi kelestarian ummah dan negara jika di tadbir dan diurus dengan professional. (Siti Mashitoh, 2020).

Potensi wakaf dalam merealisasikan kestabilan sosioekonomi adalah melalui pengembangan harta dan kesaksamaan agihan. Semua ini mampu ditentukan bergantung kepada kejayaan negara dalam memperkasakan semula sistem pengurusan wakaf (Mohd Noor, 2017; Alaidin dan Wali, 2016.). Di samping itu juga, kejayaan wakaf tidak mungkin berlaku tanpa usaha dan penyelarasan yang strategik. Kesedaran masyarakat, mujuhadah pengamal dan kebijaksanaan kerajaan dalam usaha memperkasakan semula wakaf menjadi penentu kelangsungan tamadun Islam dan nasib generasi akan datang (Mohd Noor, 2017).

Walau bagaimanapun, jika wakaf masih dikelola secara tidak produktif disebabkan pandangan masyarakat secara umum sebagai amalan ibadah semata-mata (*maḥḍah*) yang tidak memiliki dimensi ekonomi ataupun dimensi sosial (Muslihun, 2014), fungsi sebenar wakaf tidak akan dapat dilaksanakan secara efektif dan efisien. Meskipun wakaf berperanan besar, namun peranan zakat juga tidak ketinggalan dalam sama-sama membanteras kemiskinan. Kerana zakat merupakan salah satu solusi yang berpotensi untuk mengurangkan isu sosio-ekonomi yang disebabkan oleh pandemik (BAZNAS, 2020).

Sepanjang lebih 1400 tahun, dermawan Islam menerusi sektor *ijtimai* khususnya sedekah umum sedekah wajib (zakat) dan sedekah berkekalan (wakaf) dan sumbangan bukan berbentuk material telah memberikan sumbangan yang sangat besar terhadap pembangunan sosioekonomi ummah. Pelbagai bantuan dan sokongan telah diberikan termasuk memberi peluang kepada seseorang untuk mendapatkan kemudahan asas seperti tempat tinggal, makanan, minuman, modal, pendidikan rawatan kesihatan tanpa dikenakan sebarang bayaran. Malah, kesungguhan dan keikhlasan para dermawan Islam menyumbang secara sukarela telah menjadi salah satu faktor yang membawa kehebatan tamadun Islam (Razali, 2017).

BUDAYA FILANTROPI DALAM MASYARAKAT BRUNEI

Budaya filantropi sudah menjadi amalan dan sehati dalam masyarakat Islam khususnya. Agama Islam sangat menggalakkan umatnya bersedekah dan menjadikannya sebagai budaya dan kebiasaan dengan cara memberikan bantuan, sama ada berupa wang ringgit, makanan, pakaian dan sebagainya bagi membantu mereka yang dalam kesusahan dan yang sangat memerlukannya.

Di negara Brunei Darussalam, pelbagai medium disediakan oleh pihak kerajaan mahupun agensi swasta, persatuan-persatuan dan badan bukan kerajaan (NGO) dan sebagainya bagi memudahkan lagi untuk orang ramai menghulurkan bantuan atau sedekah. Di antara kaedah yang disediakan ialah seperti melalui khidmat pesanan ringkas (SMS), tabung-tabung kutipan derma yang telah diletakkan di tempat-tempat khusus di seluruh negara dan seumpamanya.

Antara tabung-tabung dana itu ialah Tabung Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim³, Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid⁴, Tabung Anak-Anak Yatim Kebangsaan, Tabung Orang-Orang Cacat & Tabung Badan kebajikan Kebangsaan Brunei⁵ iaitu bagi orang ramai untuk sama-sama menghulurkan sedekah seangkat-angkat hati⁶ mengikut kemampuan masing-masing.

³ Dasar penubuhan dana ini mengasuh dan membentuk anak-anak yatim menjadi generasi pengetahuan dan berkemahiran, berakhlak mulia selaras dengan konsep Negara Melayu Islam Beraja dan sebagai satu amal jariah untuk mempertingkatkan dan mewujudkan rasa kasih sayang, belas kasihan dan pemeduliaan anak-anak yatim. <https://www.yshhb.org.bn/dana/bn/tentang/dasar-penubuhan>. Akses pada 1 March 2021. Dikendalikan oleh Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

⁴ Tabung ini di wujudkan bagi tujuan membina masjid yang baru, membaik pulih, memelihara, menambah bangunan baru serta untuk menampung keperluannya. Di samping itu juga memberi peluang kepada orang Islam untuk menabung pahala kerana niat yang suci ini. Pemegang amanah bagi tabung ini ialah tanggungjawab Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Agama.

⁵ Tabung anak-anak yatim, tabung orang-orang cacat dan tabung badan kebajikan kebangsaan Brunei adalah di bawah kendalian Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Belia dan Sukan.

⁶ Perumpamaan Brunei yang bermaksud dengan ikhlas.

Malah dengan kemudahan yang ada disediakan juga, masyarakat Brunei bukan sahaja dapat menghulurkan bantuan untuk masyarakat di negara ini, namun sehingga keluar negara seperti yang dilaksanakan oleh belia-belia dan NGO-NGO di negara ini seperti sumbangan untuk rakyat Palestin, Gaza, Syria dan sebagainya bagi sama-sama membantu meringankan beban umat Islam di luar sana.

Antara banyak jenis filantropi Islam, zakat dan wakaf merupakan instrumen filantropi Islam yang aktif berperanan dan sangat menyerlah impaknya dalam mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan ekonomi. Bahkan syariat Islam mengiktiraf wakaf sebagai amalan sedekah kelas pertama yang sangat digalakkan (Mohamad Hilmie, 2021).

Wakaf telah diamalkan oleh masyarakat Islam Brunei sejak awal kedatangan dan penerimaan mereka terhadap Islam lagi. Namun suatu yang ketara ialah ianya menjadi satu amalan yang kurang agresif dalam kalangan masyarakat sama ada dari segi kuantiti atau kepelbagaian nya. Hasil kajian mendapati bahawa masalah-masalah ini berpunca daripada pelbagai sudut di antaranya dari perundangan, pengurusan, pembangunan aset dan juga perspektif masyarakat sendiri.

Berdasarkan kepada kelebihan yang berterusan, berwakaf telah menjadi amalan yang belelusa di kalangan umat Islam sejak dahulu. Pelaksanaan wakaf menjadi suatu kebiasaan dalam semua lapisan masyarakat Melayu Brunei dan ini termasuklah Sultan Brunei yang memerintah dari dulu hingga sekarang. Rakyat biasa juga tidak mahu ketinggalan untuk meraih pahala berpanjangan dengan mewakafkan dari sekecil-kecil barang seperti buku, sejadah, selipar, alat penghawa dingin hinggalah kepada aset yang bernilai tinggi seperti hartanah.

Keadaan ini dapat di lihat di masjid-masjid, surau-surau, sekolah-sekolah, Institut Pengajian Tinggi, dipejabat-pejabat dan sebagainya. Tidak dapat dinafikan terlalu banyak sumbangan wakaf di telah di berikan bagi kegunaan, keperluan dan keselesaan pengguna. Sumbangan wakaf secara umum ini tidak dapat dikenal pasti jumlahnya memandangkan ia dalam bentuk wakaf yang tidak perlu didaftarkan dan hanya di amanahkan kepada pihak yang menerima sahaja. Malahan sumbangan wakaf masyarakat tempatan mulai diluaskan dan dipanjangkan manfaatnya kenegara-negara minoriti Islam yang benar-benar memerlukan bantuan.

Antaranya bukti sumbangan wakaf ke luar negara yang wujud di zaman pemerintahan Sultan Muhammad Tajuddin iaitu Sultan Brunei yang ke 19 yang memerintah Brunei sebanyak dua kali iaitu kali pertama bermula dari 10 Julai 1795 hingga 27 April 1804. Untuk kali kedua beliau memerintah bermula dari 10 November 1804 hingga 11 Februari 1807. Baginda merupakan Sultan Brunei pertama yang menitahkan supaya membuat rumah wakaf bagi jemaah haji Brunei di Mekah. Pada tahun 1807, baginda telah menghantar pegawai kanan Ugama untuk membeli rumah wakaf khusus dibangunkan untuk jemaah haji Brunei (Iik Mansurnor, 1998).

Berikut adalah sebahagian daripada kandungan isi Surat Perjanjian Rumah Wakaf Sultan Muhammad Tajuddin yang bertarikh pada 15 Jamadilawal Awal Tahun 1224 Hijrah iaitu kira 200 tahun lalu yang ditandatangani di Arab Saudi (Muhammad Hadi, 2017).

“Wakaf ini dikhaskan untuk orang2 yang mengerjakan Haji dan tinggal di Mekah yang terdiri orang2 jawi Brunei. Jika mereka tidak ada maka bolehlah kepada orang2 yang memegang Tariqat Sheikh Muhammad Ibin As- Sheikh As-Shamie dan jika tidak ada daripada Ahli Tariqat yang tersebut bolehlah kepada orang2 jawi yang dipileh oleh Nadzir Waqaf dan jika tidak ada orang Jawi di Mekah bolehlah kepada Ulama yang bermahzab Shafi’e.”

Sumbangan wakaf ke luar negara mula menunjukkan peningkatannya semasa pemerintahan sultan terkini iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam. Bilamana wakaf yang di sumbangkan oleh Kebawah Duli bukan sahaja terbatas di dalam negeri sahaja bahkan sampai ke peringkat antarabangsa. Sebagai contoh Masjid Sultan Hassan al-Bolkiah di Filipina pada tahun 2009 dan merupakan masjid yang terbesar di Filipina yang menelan

belanja sebanyak \$48 juta dan di bina di atas tapak tapak seluas 5 hektar di atas tanah wakaf yang disumbangkan oleh keluarga Dilangalen (Eva, 2009).

Masjid Mukim Wakaf Baharu di Kelantan, atau di kenali masjid Brunei Darussalam di Kelantan, Malaysia juga merupakan sumbangan peribadi Sultan Brunei. Masjid ini dibina berserta dengan sebuah madrasah nama Almarhum Sultan Omar Ali Saifuddin, ayahanda kepada Sultan Haji Hassanah Bolkiah Muizzadin Waddaulah yang telah di rasmikan oleh Sultan Ismail Petra pada 23 Januari 1992. Pembinaan masjid ini sebenarnya adalah atas usaha penduduk sekitar Rong Chenok dan AJK masjid yang terlibat. Kekurangan sumber kewangan telah mendorong mereka mengutus sepucuk surat kepada Kerajaan Brunei yang terkenal sebagai pemurah terutama sekali dalam hal berkaitan dengan agama Islam. Mengenangkan sikap pemurah baginda, masjid tersebut telah dinamakan sebagai Masjid Brunei Darussalam (Utusan Online, 28 Julai 2017).

Maklumat yang di peroleh hasil sumbangan baginda Sultan, bukannya diperoleh dari sumber tempatan tetapi merujuk kepada sumber luar negara yang menerimanya. Jadi tidak mustahil kemungkinan banyak lagi wakaf yang disumbangkan oleh masyarakat Brunei ke luar negara, namun tiada rekod atau maklumat yang mencatatkannya seperti sumbangan bagi pembinaan perigi, paip air, masjid dan sebagainya kerana penyumbang lebih suka bertindak secara persendirian bergantung pada permintaan dari negara luar yang memerlukannya.

Sumbangan wakaf keluar negara ini bukan hanya dilakukan oleh kerabat Diraja bahkan rakyat jelata turut sama meraih pahala ini. Sumbangan ini biasanya dilakukan dan di urus oleh orang perseorangan atau pihak NGO. Antara sumbangan yang sering di laksanakan ialah wakaf telaga, saluran paip air, masjid dan sekolah agama khususnya di negara-negara miskin dan negara minoriti Islam.

WAKAF & PENDIDIKAN ISLAM DI BRUNEI

Pelbagai definisi pendidikan Islam di utarakan oleh ramai pengkaji antaranya ialah Haron & Sobri (1988) pendidikan Islam merupakan usaha-usaha pembentukan anak-anak sesuai dengan ajaran Islam, maka dengan itu melalui pendidikan Islam akan dapat menyerapi dan menyedari hal-hal yang sebenar atau hakikat-hakikat baik dalam ajaran dan amalan Islam, atau apa yang terkandung dalam akidahnya, ibadatnya, sistem akhlaknya dan juga ajaran syariatnya yang dilihat dari segi hukum-hukumnya yang zahir. Ahli-ahli fikir Islam berpendapat bahawa dengan menyedari hal-hal ini semua manusia akan mencapai kebahagiaan dalam dunia dan akhirat.

Menurut Mohd Kamal Hasan, pendidikan Islam menyatukan semua ilmu pengetahuan di bawah *authority* dan pengendalian Al-Quran dan Sunnah yang merupakan teras dalam sistem pendidikan dan kebudayaan Islam seluruhnya. Akidah Islam menjadi pusat bagi semua ilmu serta sifatnya *integrated* (Mohd Yusuf, 2002).

Pendidikan Islam adalah bimbingan jasmani dan rohani berdasarkan hukum-hukum agama Islam menuju terbentuknya keperibadian utama menurut ukuran-ukuran Islam (Hamdani & A. Fuad, 1998). Pendidikan Islam mempunyai matlamat untuk melahirkan umat Islam yang teguh keimanannya kepada Allah agar kehidupan mereka berbahagia bukan sahaja di dunia bahkan yang lebih penting di akhirat nanti.

Penyebaran pendidikan Islam telah bermula serentak dengan proses islamisasi ke atas masyarakat Brunei. Senario ini bukan cuma berlaku di negara ini malahan ia juga terjadi kepada negeri-negeri lain di Alam Melayu seperti Indonesia, Tanah Melayu dan Filipina (Hj Awang Asbol, 2007). Pada masa itu pendidikan Islam masih diajarkan dengan sistem tradisional atau secara tidak formal, yang mana ianya diajarkan oleh orang perseorangan seperti mubaligh Islam, imam atau khatib, baik yang berasal dari luar negeri mahupun penduduk tempatan di rumah-rumah, balai-balai dan masjid-masjid (Siti Sara, & Muhammad Syukri, 2015; Masri, 2013, Hj Awang Asbol, 2007).

Semasa pemerintahan Residen British, sistem pendidikan Islam secara tradisional ini masih lagi diteruskan sehinggalah pada tahun 1914. Setelah itu pemerintahan British telah mula menjalankan sistem pendidikan sekular secara rasmi, yang telah menyebabkan

perkembangan pendidikan Islam semakin ketinggalan (Masri, 2013). Bagi mencegah kemerosotan pendidikan Islam, pada tahun 1931 pendidikan Islam telah dimasukkan dalam sistem persekolahan Melayu sebagai satu mata pelajaran (Hj Awang Asbol, 2007).

Pendidikan berteraskan Islam telah memainkan peranan penting dalam melahirkan negara dan bangsa Brunei yang berpegang teguh kepada ajaran Islam berlandaskan Mazhab Syafie. Kesungguhan pihak kerajaan dalam meneruskan kesinambungan untuk merealisasikan dan mengukuhkan Islam di segenap segi kehidupan di negara ini, dapat dibuktikan dengan kemajuan pendidikan. Ini sejajar dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menyarankan agar seluruh umat Islam di negara ini dapat menghayati, melaksanakan dan menanai ajaran-ajaran pendidikan Islam.

Pendidikan Islam bagi orang Brunei ditujukan kepada semua lapisan masyarakat tidak hanya untuk satu-satu kelompok masyarakat. Pendidikan tidak boleh hanya berpusat di istana atau di kediaman golongan elite, tetapi juga bertempat di masjid-masjid, atau surau-surau, balai-balai ibadat tidak terkecuali juga di rumah guru-guru agama. Kampung Air merupakan pusat pelajaran agama (Suddin, 2008).

Ulama terdahulu menjadikan rumah mereka sebagai pusat kegiatan pendidikan Islam. Apabila berkembang dan pelajar semakin ramai, keperluan untuk menampung penempatan pelajar adalah mendesak lalu di bina tempat khas yang dikenali sebagai balai yang di biyai oleh ulama itu sendiri dan institusi ini biasanya di bangunkan berdekatan dengan rumah mereka (Hj Awang Asbol, 2003). Menurut Mahmud Saedon (2003), ulama-ulama Brunei yang hidup pada akhir abad kesembilan belas sudah memiliki balai untuk menyampaikan ilmu agama kepada pelajar dan masyarakat tempatan.

Sistem pendidikan agama balai ini sama sekali tidak bertujuan material. Ulama-ulama sebagai guru tidak mengharapkan sebarang ganjaran material dari pelajar, semua ini terpulang kepada pelajar sama ada mahu memberikan sumbangan atau tidak. Ini menunjukkan ulama-ulama yang mengajarkan ilmu agama ini benar-benar berkhidmat kerana Allah bukan kerana lain-lain perkara (Hj Awang Asbol, 2003). Inilah yang dikatakan ilmu jariah yang berpanjangan pahalanya semata-mata kerana Allah dan merupakan wakaf terawal dalam pendidikan Islam yang dikenal pasti berlaku dalam masyarakat Brunei.

Balai sebagai institusi agama telah memainkan peranan penting dalam penyebaran ilmu-ilmu Islam di Brunei seperti mana peranan pondok di Tanah Melayu dan Pesantren di Indonesia (Mahmud Saedon, 2003). Bahkan, sistem pendidikan ini telah melahirkan ramai ulama-ulama tempatan yang mempunyai pengetahuan mendalam tentang ilmu Fiqah dalam bahasa Melayu berdasarkan Mazhab Shafie. Tradisi pendidikan dan keilmuan juga adalah sama seperti tradisi di negeri-negeri di Alam Melayu yang lain.

Tiada catatan atau kajian khusus berkaitan wakaf pendidikan di Brunei Darussalam yang diperoleh. Namun terdapat rekod yang menunjukkan bukti pertama institusi pendidikan Islam terawal yang dibangunkan atas konsep wakaf yang telah di laksanakan oleh pemerintah iaitu ketika pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin (1924-1950). Baginda telah menubuhkan sekolah agama aliran Arab daripada kos perbelanjaan sultan sendiri⁷, memandangkan kerajaan pada masa itu tidak mempunyai peruntukan kewangan untuk membiayai penubuhannya. Oleh itu sekolah ini dikategorikan sebagai sekolah swasta tetapi berdaftar dengan Jabatan Pelajaran Brunei (Abd Aziz, 1968).

⁷ Satu fakta yang mustahak disebutkan ialah dalam tahun 1941 sekolah Arab atau lebih dikenali sebagai sekolah agama aliran Arab telah ada di Brunei atas inisiatif Al-Marhum Sultan Ahmad Tajuddin Sultan dan Yang Di-Pertuan Ke-27. Dikatakan bahawa sekolah tersebut berdaftar di bawah Jabatan Pelajaran ketika itu dengan keramaian lima puluh lima (55) orang murid dan gurunya bernama Sheikh Abdul Aziz Al-Shimi. Tetapi kegiatan persekolahan agama aliran Arab itu sebagaimana juga dengan kegiatan persekolahan Melayu telah terhenti apabila Jepun menduduki Brunei dalam perang dunia ke-2 pada masa itu. Sekolah tersebut di bangkitkan semula oleh Sultan Omar Alis Saifuddien III pada tahun 1956 dan ia hanya dapat dilaksanakan pada 1 mac 1966 apabila Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah telah ditubuhkan oleh Kerajaan. <http://www.pelitabrunei.gov.bn/Lists/Haluan/NewDisplayForm.aspx?ID=58&ContentTypeId=0x0100E45E094702897743A80F278A641051F8>.

Bagi mengukuhkan lagi kedudukan pendidikan Islam di negara ini, pada tahun 1956 Sultan Haji Omar Ali Saifuddien telah menubuhkan tujuh buah sekolah rendah agama yang beroperasi pada waktu petang sahaja (Masri, 2013) bagi menawarkan pendidikan Islam di peringkat rendah. Seterusnya sistem sekolah agama ini kemudiannya diajarkan ke semua Sekolah Melayu dan Inggeris (Masri, 2013).

Hingga kini Negara Brunei Darussalam telah mendirikan sebanyak 144 buah sekolah rendah agama, di Daerah Brunei dan Muara terdapat sebanyak 86 buah sekolah rendah agama, 30 buah di Daerah Tutong, 20 buah di Daerah Belait dan sebanyak 11 buah di Daerah Temburong. Namun hanya sebanyak 50 buah sekolah yang merupakan bangunan kekal bagi sekolah rendah agama, manakala selebihnya lagi iaitu 94 buah merupakan bangunan gunasama (Fatin Rabiatul Adawiyah, 2020). Walau bagaimanapun, semua sekolah agama berkenaan adalah di bina atas kos peruntukan belanjawan Kerajaan.

Institusi pendidikan wakaf ialah sebuah organisasi atau institusi yang ditubuhkan melalui sumbangan masyarakat Islam atau dibina atas tanah atau bangunan yang diwakafkan untuk tujuan pendidikan Islam. Matlamat utamanya ialah untuk mendapat keredaan Allah SWT, di samping melahirkan masyarakat Islam yang soleh, mukmin dan muttaqin (Ahmad Zaki, 2008).

Amalan wakaf dalam konteks pendidikan juga dapat memenuhi keperluan institusi untuk membiayai pembinaan bangunan akademik, menambah baik infrastruktur dan fasiliti, membiayai kos operasi, memberikan biasiswa kepada pelajar dan sebagainya (Roslina et al., 2018). Bahkan, institusi pendidikan wakaf juga memainkan peranan yang besar dalam menyediakan perkhidmatan pendidikan secara percuma atau mengenakan kadar bayaran yang rendah kepada masyarakat khususnya bagi yang tidak berkemampuan tanpa mengira kaum, bangsa dan keturunan.

Konsep wakaf bukan hanya di tujukan untuk keagamaan sahaja bahkan bagi tujuan lain untuk memenuhi keperluan ummah seperti pendidikan yang tidak kurang pentingnya. Institusi wakaf merupakan sumber yang diguna pakai untuk memenuhi keperluan pendidikan bagi masyarakat Muslim di seluruh negara Islam. Bahkan kewangan wakaf juga digunakan bagi membiayai dana perpustakaan, buku, tenaga pengajar, membantu pelajar yang tidak mampu dan termasuklah juga membiayai kos perbelanjaan tenaga pengajar dalam membuat penyelidikan. Terdapat banyak institusi pendidikan yang bergantung sumbernya dari wakaf di hampir keseluruhan negara Islam. Pengajian yang di tawarkan bukan hanya tertumpu pada pengajian Islam bahkan menyeluruh bidang pengajian sains, perubatan, undang-undang dan ilmu kimia (Norsiah & Abd Manaf, 2009; Sa'ati, t.th).

Wakaf dalam pendidikan sememangnya berpotensi dalam melahirkan institusi pendidikan Islam yang cemerlang dan turut lebih cenderung dalam melahirkan para cendekiawan serta tokoh ilmuwan Islam yang terbilang. Malah, institusi seperti ini adalah sangat penting dalam membangunkan masyarakat Islam, terutamanya dalam penyediaan modal insan. Selain itu, ia juga berupaya menyediakan kemudahan kepada masyarakat dengan memperoleh manfaat daripada harta yang diwakafkan, serta turut membuka medan kepada umat Islam untuk melakukan amal kebajikan atau sedekah jariah (Nur Azira, 2015).

Sebagai sebuah negara yang kukuh kedudukan ekonominya dan negara membangun dengan standard kehidupan yang agak baik, menjadikan kehidupan majoriti masyarakat dalam keadaan selesa menikmati pendapatan tanpa adanya penguatkuasaan cukai. Sejajar dengan wawasan Brunei 2035 iaitu rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya pendidikan merupakan elemen penting dalam perkembangan sumber tenaga manusia. Pendidikan merupakan salah satu keperluan asas yang ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan dan tiada dikenakan kos bagi mendapatkan pendidikan bermula dari peringkat Rendah hingga ke peringkat Pengajian Tinggi sama ada pendidikan umum mahupun pendidikan agama. Bahkan bermula di peringkat Pra Universiti, pelajar-pelajar sudah menikmati elaun bulanan berlanjutan hingga ke Universiti.

Bukan setakat itu sahaja, malahan bantuan kewangan juga di terima dari Kebawah Duli sendiri terutama dalam hal ehwal berkaitan agama Islam seperti pembangunan masjid, sekolah-sekolah agama, bantuan kewangan bagi menghapuskan kemiskinan (Marina et al.,

2020). Ini termasuklah institusi swasta yang merupakan milik Ke bawah Duli iaitu Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang merupakan wadah amal jariah Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan ahli keluarga baginda. Sebagai tanda pemedulian⁸ dan kasih Ke bawah Duli kepada rakyatnya yang sentiasa taat setia kepada baginda dan kerajaan Baginda. Di samping itu sebagai lambang pembentukan dan perpaduan masyarakat dan Negara Brunei yang sejahtera dan makmur serta keharmonian umat manusia antarabangsa mengikut keadaan dan kesesuaian yang diredai oleh Allah SWT.

Bagi memastikan semua masyarakat Islam mendapat pendidikan agama yang sempurna, satu undang-undang khas telah digubal yang dinamakan dengan Perintah Pendidikan Ugama Wajib 2013 yang berkuat kuasa mulai 1 Julai 2013. Perintah ini bertujuan agar tiada lagi kanak-kanak Islam yang keciciran dalam mempelajari pendidikan Islam di peringkat persekolahan ugama (Yahya, 2013).

Selain daripada sekolah rendah ugama, sekolah Arab dan Tahfiz juga turut di bangun bagi mengukuhkan lagi pendidikan Islam. Setakat ini terdapat tujuh buah sekolah Arab yang telah dibina di setiap daerah. Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) pula telah ditubuhkan pada 1 Januari 1993, dengan menawarkan pengajian kepada lelaki dan juga perempuan, yang bertujuan untuk melahirkan para Hafiz Al-Quran (Kementerian Hal Ehwal Ugama, t.th).

Di peringkat institusi pengajian tinggi pula, negara ini mempunyai sebanyak 12 buah institusi pengajian tinggi, enam buah merupakan institusi kerajaan manakala selebihnya lagi merupakan institusi swasta. Namun hanya tiga buah institusi yang menawarkan kursus pendidikan Islam di peringkat pengajian tinggi, yang mana kesemuanya merupakan institusi kerajaan iaitu Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Selain daripada sekolah-sekolah kerajaan, terdapat juga sekolah swasta berteraskan Islam yang menyediakan pendidikan Islam, seperti Sekolah Al-Falaah, Sekolah Rendah IQRA, Sekolah Alif Sdn Bhd, Miftah An-Nur International School dan sebagainya yang menawarkan pendidikan Islam dari peringkat tadika hingga rendah. Di samping itu terdapat 4 buah sekolah Ugama swasta yang menawarkan pelajaran agama di sekolah berkenaan bagi memenuhi keperluan pelajar yang beragama Islam iaitu sekolah Ugama Yayasan Sultan Hj Hassanal Bolkiah, Sekolah Ugama Antarabangsa, Sekolah Ugama Antarabangsa Jerudong dan Sekolah Agama Bolkiah (Normazlina, 2013).

Brunei meskipun negara Islam namun fahaman wakaf masih lagi terbatas menurut tradisional. Pendidikan berasaskan model wakaf adalah suatu perkara baru dan belum pernah di wujudkan setakat ini. Jika negara lain seperti Malaysia, Singapura dan Indonesia sudah jauh ke hadapan memikirkan bagaimana menjana dana wakaf institusi pendidikan dengan mengenal pasti pelaburan yang berpotensi yang menghasilkan keuntungan semaksimum mungkin, Brunei masih lagi tertumpu dan terbatas pada pembangunan dan pemeliharaan masjid.

Negara yang dianggap kaya dan merupakan salah sebuah yang berpendapatan tinggi dan bergantung sepenuhnya kepada minyak dan gas, kini turut berdepan kesukaran akibat kejatuhan harga minyak dunia kesan kebergantungan tinggi ekonomi negara terhadap sektor minyak dan gas. Ia sekali gus terdedah kepada sebarang ketidakpastian seperti kemelesetan ekonomi, yang dapat diperhatikan sejak beberapa tahun kebelakangan ini ekoran kejatuhan harga komoditi tersebut. (Fadzil, 2017).

Sumbangan wakaf untuk pendidikan di Brunei Darussalam boleh di katakan tidak menonjol dan menyerlah. Ini disebabkan majoriti pendidikan Islam di Brunei adalah milik Kerajaan bermula dari peringkat Rendah hingga lah ke peringkat Institusi Pengajian Tinggi. Justeru, tidak timbul isu kekurangan peruntukan bagi penyelenggaraan dan pengurusan. Meskipun demikian pengurangan peruntukan belanjawan bagi pendidikan adalah semakin

⁸ Bahasa Brunei bermaksud keprihatinan.

ketara di sejak akhir ini, disebabkan oleh kejatuhan ekonomi global yang masih terasa kesannya.

Hakikatnya, sehingga ke hari ini, belum wujud Institusi Pendidikan Islam yang berasaskan wakaf di Brunei sama ada dalam bentuk separa atau sepenuhnya apatah lagi di peringkat Pengajian Tinggi. Namun keperluan untuk mewujudkan semakin ketara melihat kepada pelbagai isu yang mulai timbul seperti peruntukan bagi Institusi Pengajian Tinggi semakin berkurangan dari setahun ke setahun, sedangkan untuk melahirkan Universiti yang berkualiti menuntut banyak peruntukan bagi aspek penyelidikan, pembangunan insan, pemuliharaan logistik bagi melahirkan suasana pembelajaran dan pengajaran yang kondusif lebih-lebih lagi persediaan bagi menghadapi anjakan paradigma revolusi industri 4.0.

Ini kerana wakaf pendidikan mampu membantu memajukan sistem pendidikan sejak dahulu lagi dan banyak menyumbang ke arah kelangsungan dan kelestarian institusi pendidikan. Justeru, adalah tepat masanya untuk menubuhkan wakaf pendidikan kini melihat kepada tuntutan perubahan revolusi industri yang mendesak, serta kos pengajian dan pengurusan yang dijangka semakin meningkat. Dalam keadaan ini, wakaf pendidikan menjadi alternatif terbaik kepada model universiti berdikari atau mandiri yang tidak bergantung kepada Kerajaan yang tidak akan terkesan oleh kejatuhan ekonomi (Hjh Mas Nooraini, 2020).

PRIORITI UTAMA WAKAF DI BRUNEI DARUSSALAM

Wakaf di haruskan dalam pelbagai bentuk selagi mana ia boleh di jadikan transaksi jual beli termasuklah hartanah, harta alih dan hart tak alih. Perwakafan bentuk tunai adalah yang lumrah dan paling popular diamalkan oleh masyarakat di Negara ini dan ianya menjadi 'trend' bilamana manfaatnya ditujukan untuk kebajikan tempat beribadat seperti kos pembinaan, pembesaran, penyelenggaraan serta peralatan dan kelengkapan. Secara umumnya, kebanyakan hasil wakaf di sumbangkan untuk masjid dan diikuti dengan pendidikan keagamaan (Hassan dan Sahahid, 2010). Masyarakat masih kuat berpegang dengan pemikiran tradisional bahawa wakaf hanya khusus di tujukan untuk bidang keagamaan sahaja (Jamil, 2007) dan lebih banyak yang menyumbang untuk kebajikan dan memakmurkan masjid.

Fenomena yang sama ini juga berlaku di Brunei Darussalam. Mengikut data statistik wakaf yang dikeluarkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, hampir keseluruhan wakaf tunai iaitu 90% yang disumbangkan dari tahun 1989 hingga 2017 di salurkan kepada kepentingan masjid seperti kos pemeliharaan, penambahbaikan, meluaskan masjid dan sekitarnya termasuklah juga semua sumbangan peralatan penghawa dingin untuk keselesaan jemaah masjid. Sementara hanya 5% adalah bagi kegunaan umum. Begitu juga yang terjadi dalam kategory wakaf tanah di mana sebanyak 46.25 ekar tanah di sumbangkan, semuanya untuk tujuan membina masjid dan hanya sedikit di khususkan untuk membina laluan ketanah perkuburan atau lalun jalan biasa. Jika pun ada wakaf untuk pendidikan Islam seperti sekolah agama adalah lebih kepada bentuk sumbangan buku, cetakan al-quran, telekung, sejadah, yasin dan sebagainya.

Tidak cukup dengan wakaf yang dikhususkan untuk masjid, pada tahun 2015 telah diwujudkan pula Tabung Dana Pembinaan Masjid bagi tujuan membina masjid yang baru, membaik pulih, memelihara, menambah bangunan baru serta untuk menampung keperluannya. Di samping itu juga memberi peluang kepada orang Islam untuk menabung pahala kerana niat yang suci ini (Hjh Mas Nooraini, 2017).

Dalam erti kata yang lain, wakaf pendidikan Islam kurang mendapat tempat di hati penyumbang dalam kalangan masyarakat Brunei. Ini berkemungkinan di disebabkan oleh beberapa faktor;

- i. Hampir keseluruhan institusi pendidikan Islam di Brunei adalah di bawah tanggungan kos perbelanjaan Kerajaan baik dari peringkat Sekolah rendah, menengah dan Pengajian Tinggi. Justeru tiada masalah atau isu besar dalam menangani kes kesuntukan peruntukan kewangan bagi membiayai kos

- pemeliharaan, pengurusan dan pentadbiran yang memerlukan kepada bantuan kewangan dari luar. Bahkan semua sekolah tersebut di bangun di atas tanah kerajaan yang telah di wartakan, namun tidak dipindah milik kepada Majlis Ugama Islam yang boleh di anggap sebagai wakaf irsyad⁹. Hanya terdapat 2 buah sekolah agama kerajaan yang dibangun di atas tanah baitulmal dan tanah wakaf khas dari persendirian¹⁰.
- ii. Merupakan satu kewajipan ke atas ibu bapa untuk memberikan pendidikan agama kepada anak-anak mereka melalui pendidikan agama secara formal, ini termaktub dalam Perintah Pendidikan Wajib 2012. Dalam bab 5(2) mana-mana orang yang melakukan kesalah di bawah bab ini boleh disabitkan kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali (Kementerian Hal Ehwal Ugama, 2016). Meskipun bangunan yang menempatkan bagi sekolah agama adalah tidak mencukupi, satu alternatif telah dibuat bagi mengatasi masalah tersebut. Iaitu dengan menjadikan bangunan gunasama dengan perkongsian bangunan pendidikan umum sama ada disebelah pagi atau petang. Justeru, tidak timbul isu kekurangan fasiliti bagi pendidikan agama di sekolah-sekolah.
 - iii. Amat jarang sekali kedengaran sekolah-sekolah Kerajaan yang memerlukan dana dan bantuan luar memandangkan tanggungjawab ini dipikul oleh pihak Kerajaan yang telah memperuntukan kewangan setiap tahun bagi pendidikan yang merupakan prioriti utama dalam perbelanjaan Negara. Meskipun demikian, masih terdapat sekolah pendidikan agama swasta di Brunei yang memerlukan bantuan kewangan. Seperti Sekolah IQRA yang merupakan sekolah yang sudah lama wujud juga berjasa dalam sama-sama mendidik anak-anak dan orang dewasa di negara ini agar mampu dan mahir dalam ilmu pembacaan Al-Quran. Pihak Kerajaan telah membantu pihak berkenaan dalam menyelesaikan hutang melalui agihan Zakat Asnaf Al-Gharimin. Agihan zakat tersebut telah di salurkan kepada Persatuan IQRA Negara Brunei Darussalam yang telah berlangsung pada 9 Januari 2020, berjumlah sebanyak BND530,000 yang digunakan bagi pembinaan dan pengubahsuaian Sekolah IQRA, Kampung Manggis. Pembinaan dan pengubahsuaian sekolah tersebut selesai pada tahun 2018 lalu dengan menitikberatkan keselesaan pelajar-pelajar (Dk Siti Redzaimi, 2020).
 - iv. Terdapat sumbangan wakaf persendirian di serahkan terus kepada pihak tertentu tanpa melalui Majlis Ugama Islam dalam bentuk wang tunai bagi membiayai kos pengajian pelajar-pelajar luar yang kurang berkemampuan terutama sekali di peringkat pengajian tinggi. Namun, sumber yang diperoleh menyatakan sumbangan tersebut adalah dari agihan zakat persendirian.

Meskipun demikian, terdapat badan bukan Kerajaan yang turut sama membantu dalam hal ini seperti Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah. Antara tujuan penubuhan yayasan berkenaan dari aspek agama ialah;

- i. Menghulurkan bantuan kewangan atau biasiswa agama untuk tujuan pendidikan agama kepada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menurut syarat-syarat dan kelayakan-kelayakan yang boleh dikenakan oleh Yayasan dari semasa ke semasa bagi memberi peluang kepada mereka meneruskan pengajian dalam bidang agama di universiti dan institusi pengajian tinggi di dalam dan luar negara yang diiktiraf

⁹ Wakaf irsyad merujuk kepada pewakafan harta daripada pihak pemerintah atau daripada badan-badan atau organisasi-organisasi tertentu. Secara umumnya wakaf Irsod berlaku apabila dana Baitulmal diagihkan kepada pembinaan masjid-masjid, institusi pendidikan, hospital dan sebagainya untuk kemaslahatan umum (Badran, 1986).

¹⁰ Sekolah Agama Salambigar dibangunkan di atas tanah baitulmal (lebih dari harta waris) dan Sekolah Agama Jerudong dibangunkan di atas tanah wakaf dari persendirian. Hasil temu bual bersama Adly Kashfullah Hj Mohd Ja'apar, pegawai Agama bahagian Baitulmal dan Wakaf, KHEU pada 22 Februari 2021.

- oleh kerajaan. Bantuan ini bertujuan bagi melahirkan lebih ramai generasi yang mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam bidang ugama Islam. Selain itu, bantuan kewangan, peralatan dan keperluan persekolahan juga diberikan kepada para pelajar dari keluarga yang kurang berkemampuan yang menuntut di sekolah dan institusi ugama.
- ii. Menghulurkan bantuan kewangan kepada seseorang atau pertubuhan atau badan bukan kerajaan yang menjalankan gerakan dakwah atau usaha meninggikan syiar Islam yang diiktiraf oleh kerajaan dengan syarat orang perseorangan atau pertubuhan atau badan itu mendapat kebenaran kerajaan untuk menjalankan gerakan atau usaha mereka itu, dan dengan syarat gerakan itu adalah bagi faedah di dalam Negara Brunei Darussalam sahaja;
 - iii. Menghulurkan bantuan ke atas pembinaan, pengurusan dan pemeliharaan sekolah-sekolah ugama dan masjid-masjid yang diusahakan oleh mana-mana orang atau pertubuhan atau badan bukan kerajaan dengan syarat usaha itu hendaklah mendapat kebenaran kerajaan.

Ini sejajar dengan matlamat penubuhan Yayasan tersebut iaitu menjadi wadah amal jariah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Ahli Keluarga Baginda.

Status Yayasan ini masih belum dapat dipastikan adakah berunsurkan wakaf atau tidak, meskipun merujuk kepada dasar penubuhannya adalah lebih menjurus kepada filantropi wakaf dan fokus kepada perkembangan dan kepentingan agama Islam. Bahkan matlamatnya juga jelas menyatakan amal jariah yang bermaksud wakaf secara langsung. Ini bermakna yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkhiah merupakan satu-satunya badan bukan Kerajaan yang memberikan sumbangan wakaf sama ada dalam bentuk produktif atau tidak.

Tidak mustahil banyak lagi terdapat sumbangan wakaf bagi pendidikan Islam di Brunei sama ada dalam skala kecil mahu pun besar namun tidak di rekodkan. Sama ada penyumbang lebih selesa penyerahan berlangsung secara terus kepada pihak tertentu tanpa melalui majlis atau lebih kepada menyembunyikan identiti penyumbang untuk mengelakkan dari perasaan riak.

Bahkan masyarakat tempatan jua banyak menerima permohonan sumbangan wakaf dari luar untuk pendidikan Islam seperti membangun sekolah tahfiz, perbelanjaan sekolah anak yatim dan sebagainya yang di buat secara tidak rasmi oleh orang perseorangan atau individu. Ini menunjukkan budaya filantropi itu memang sudah sebatu dengan masyarakat Melayu lebih-lebih lagi bila melibatkan urusan keagamaan dan manfaat orang ramai. Kebiasaannya masyarakat Brunei lebih suka menyumbang wakaf ke luar negeri kerana niat itu kesampaian apabila melihat hasilnya di dimanfaatkan dengan sebaiknya disamping keperluan kepadanya adalah lebih mendesak, serta proses sumbangan mudah, senang, ringkas dan dipercayai.

Hakikatnya amal jariah wakaf tidak semestinya menjurus atau dalam lingkungan ibadah yang khusus saja bahkan ianya merangkumi dalam bidang yang lain seperti sosio ekonomi, perubatan, pendidikan, perniagaan, pengajian dan sebagainya (Osman, 2002; Abdul Azim, 1996).

Realitinya, meskipun Brunei belum sampai kepada tahap untuk mewujudkan wakaf untuk pendidikan, namun idea dan usaha berkenaan perlulah di ambil kira dan di fikirkan dari sekarang melihat kepada pelbagai isu yang telah mulai timbul dari aspek kewangan sebagai persediaan dalam menghadapi keadaan yang tidak menentu dan dalam masa yang sama sebagai sokongan dan bantuan kepada Kerajaan dalam usaha meringankan bebanan kewangan. Panduan untuk menyelesaikan isu kewangan sudah ada tersedia dalam Islam, tinggal saja untuk di dimanfaatkan dan diuruskan secara efektif dan efisien sejajar dengan pengiktirafan wakaf sebagai sedekah kelas pertama.

Kini tiba masanya untuk memanfaatkan semaksimum mungkin keunikan wakaf sebagai alternatif terbaik untuk berdikari atau mandiri dalam mewujudkan pendidikan

Islam melihat kepada tuntutan perubahan revolusi industri yang mendesak, serta kos pengajian dan pengurusan yang dijangka semakin meningkat.

KESIMPULAN

Sumbangan wakaf untuk pendidikan di Brunei Darussalam boleh di katakan tidak menonjol dan menyerlah. Memandangkan kepada semua kos perbelanjaan bagi pendidikan Islam bermula dari peringkat Rendah hingga lah ke peringkat Institusi Pengajian Tinggi adalah di bawah tanggungan Kerajaan. Justeru, tidak timbul isu kekurangan peruntukan bagi penyelenggaraan dan pengurusan.

Sekolah pendidikan Islam swasta yang wujud adalah dalam bilangan kecil sahaja dan bantuan kewangan yang diperlukan adalah di ambil dari agihan zakat mengikut kategorinya yang bersesuaian. Meskipun demikian pengurangan peruntukan belanjawan bagi pendidikan adalah semakin ketara di sebabkan oleh kejatuhan ekonomi global yang masih terasa kesannya.

Kini tiba masanya untuk memanfaatkan semaksimum mungkin keunikan wakaf sebagai alternatif terbaik untuk berdikari atau mandiri dalam mewujudkan pendidikan Islam khususnya di peringkat Pengajian Tinggi kerana untuk melahirkan Universiti yang berkualiti menuntut banyak peruntukan bagi aspek penyelidikan, pembangunan insan, pemuliharaan logistik bagi melahirkan suasana pembelajaran dan pengajaran yang kondusif lebih-lebih lagi persediaan bagi menghadapi anjakan paradigma revolusi industri 4.0.

RUJUKAN

- Abdul Aziz, Juned. 1968. *Buku Kenangan Berpuspa*. Brunei Darussalam : Jabatan Hal Ehwal Agama.
- Ahmad Zaki, Hj Abd Latiff. 2008. *Wakaf Pengurusan dan Sumbangannya Terhadap Pendidikan Islam di Malaysia*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti UiTM.
- Abdul Latif, Haji Ibrahim. 2003. *Brunei Darussalam Rantisan Sejarah dan Budaya*. Akademi Pengajian Brunei :Universiti Brunei Darussalam.
- Badran, Abu Al-'Aynayn. 1986. *Ahkam Al-Wasaya Wa Al-Awqaf Fi Al-Syariah Al-Islamiyyah*. Qaherah: Dar al-Jami'ah.
- Fatin Rabia'tul Adawiyah, Mohammed Fareed. 2002. *The Role of Islam in the Management and Administration of Brunei Darussalam*. Jurnal Kajian Peradaban Islam, Vol. 3 (2).
- Hassan, Abul. and Shahid, M. A. 2010. *Management And Development Of The Awqaf Assets*. Bangi: Institute Of Islam Hadhari, UKM, Seven International Conference-The Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy.
- Hamdani, Ihsan & A.Fuad Ihsan. 1998. *Filsafat Pendidikan Islam*. Bandung: CV Pustaka Setia.
- Haron Din & Sobri, Salamon. 1988. *Masalah Pendidikan Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Al-Rahmaniah.
- Hjh Mas Nooraini, Hj Mohiddin. 2017. *Institusi Wakaf vs Tabung Dana Pembinaan Masjid*. Bangi, Selangor: 4th International Conference on Masjid, Zakat and Waqf management 2017 (IMAF-2017).
- Hjh Mas Nooraini, Hj Mohiddin. 2020. *Kredibiliti Wakaf dalam Menangani Isu Pembiayaan Pengajian Tinggi*. International Research Journal of Shariah, Muamalat and Islam (IRJSMI), Vol. 2(4)/ PP. 09-21.
- Hassan Langgulung. 1987. *Asas-asas Pendidikan Islam* . Kuala Lumpur : Pustaka Husna.
- Iik Arifin, Mansurnoor. 1998. *Contemporary European Views of Jawah: Brunei and the Malays in the Nineteenth and Early Twentieth Century*. Journal of Islamic Studies, Vol. 9 (2).
- Jamil. 2007. *Wakaf Produktif Dalam Perspektif Masyarakat Kota Metro*. Jurnal TAPIS, Vol. 7 (1), PP15-33.
- Mahmud Saedon, Awg Othman. 2003. *Jejak-Jejak*. Kumpulan Kertas Kerja, Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam.

- Marina, Abu Bakar, Shofian, Ahmad, Ahmad Dahlan, Salleh & Mohd Fairuz, Md Salleh. 2020. *The SWOT Analysis of Waqf Governance in Brunei Darussalam*. International Research Journal of Shariah Muamalat Islam, Vol. 2 (3), Hlm 1-22.
- Masri, Haji Kamar. 2013. *Dasar Pendidikan Islam di Negara Brunei Darussalam (1950-2007)*. Brunei Darussalam : Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Mohd Afandi, Mat Rani., Afiffudin, Mohammed Noor & Razali, Othman. 2014. *Wakaf Irsod: Sumbangan Kepada Pelestarian Pembangunan Islam di Malaysia*. IDMAS, ISDEV, USM.
- Mohd Yusuf, Ahmad. 2002. *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.
- Monzer, Kahf. 1998. *Financing the Development of Awqaf Property*. Kuala Lumpur: IRTI, Seminar on Development of Awqaf.
- Muhammad Hadi, Muhammad Melayong. 2017. *Sejarah Hubungan Mekah dengan Negara Brunei Darussalam*. The 2nd International Islamic Heritage Conference (IsHeC 2017).
- Normazlina.M.D . 2013. *Kejayaan Besar dalam Sejarah Pendidikan Ugama*. Media Permata.
- Norsiah, Sulaiman., & Abd Manaf, F. 2009. *Peranan Harta Wakaf dalam Bidang Pembangunan Dan Pendidikan Ummah: Fokus Dlm Bidang Perubatan*. Jurnal Pengurusan Jawhar, 3(1), 1-30.
- Osman, Sabran. 2002. *Pengurusan Harta Wakaf*. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.
- Robert H. Bremner. 1960. *American Philanthropy*. Ed. Daniel J. Boorstin. Chicago: University of Chicago Press.
- Roslina, Hashim., Norizan, Samri., Rahisam, Ramli & Mohd Izzudin, Mohd Nor. 2018. *Model Integrasi Wakaf Pendidikan Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia*. Kolej Universiti Islam Melaka, Kolokium Penyelidikan Kebangsaan.
- Sa'ati, Y. M. .t.th.. *Kitab Al-Waqf Wa Bunyatu*. t.tpt: Al-Maktabah al-Arabiyyah.
- Siti Mashitoh, Mahamood., Asmak, Ab Rahman, Hasnol, Zam Zam Ahmad & Syarqawi, Muhammad. 2007. *Konsep Wakaf Sebagai Instrumen Pembangunan Hartanah di Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI)*. Jurnal Pengurusan JAWHAR, Vol. 1 (2).
- Siti Sara, Haji Ahmad & Muhammad Syukri, Salleh. 2015. *Dasar Dan Strategi Pembangunan Negara Zikir*. Brunei Darussalam : UNISSA Press.
- Suddin, Bani. 2008. *Perkembangan Pendidikan Islam di Brunei Darussalam*. Lentera Pendidikan, Vol. 11(2), PP 270-283.
- Yahya, Apong. 2013. *Perintah Pendidikan Ugama Wajib 2012 : Sinar Harapan Negara Zikir (Siri Monograf Pendidikan Islam: Bilangan 5)*. Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam : Pusat Penerbitan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.
- Wan Mohd Yusof, Wan Chik., Engku Muhammad Tajuddin, Engku Ali., Mohd Azmi. Syed Ab Rahman & Abdullah Alqari, Mohd Zabudin. 2018. *Filantropi: Satu Sorotan Dari Sudut Hukum Taklifi*. Asian People Journal (APJ), Vol. 1 (1), Hlm 12-27.

Internet

- Dk Siti Redzaimi, Pg Hj Ahmad. 2020. Sekolah IQRA Terima BND 530,000. Pelita Brunei. <https://fdocuments.net/reader/full/hari-sabtu-11-januari-2020-hari-isnin-14-dokumen2020pelitabrunei-wang-tunai> (diakses pada 24 Februari 2021).
- Eva, Wanda. 2009. Wakaf or Endowment from His Majesty. Brunei Lifestyle. <https://chittychat.wordpress.com/2009/02/03/wakaf-or-endowment-from-his-majesty/> (diakses pada 8 November 2017).
- Hj Awg Asbol, Haji Mail. 2007. Pendidikan Agama Islam Brunei Darussalam Pramerdeka: Pengalaman, Transformasi dan Cabaran. Beriga, 96,3-24. https://www.researchgate.net/publication/313313610_Pendidikan_Agama_Islam_Brunei_Darussalam_Pramerdeka_Pengalaman_Transformasi_dan_Cabaran (diakses pada 22 Februari 2021).

- Kementerian Hal Ehwal Ugama Brunei Darussalam. t.th. Senarai Sekolah Arab. <http://www.kheu.gov.bn/SitePages/Senarai%20Sekolah%20Arab.aspx> (diakses pada 22 Februari 2021).
- Kementerian Hal Ehwal Agama. 2016. Perintah Pendidikan Wajib. <http://www.kheu.gov.bn/SitePages/Perintah%20Pendidikan%20Wajib.aspx> (diakses pada 24 Februari 2021).
- Mohamad Hilmie, Mat Daud. 2021. Wakaf Diiktiraf Amalan Sedekah Kelas Pertama. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2021/01/773782/wakaf-diiktiraf-amalan-sedekah-kelas-pertama> (diakses pada 1 Mac 2021).
- Nur Azira, Latif. 2015. Pelaksanaan Wakaf Sebagai Modal Pendidikan di Malaysia. https://www.academia.edu/34390338/PERLAKSANAAN_WAKAF_SEBAGAI_MODAL_PENDIDIKAN_DI_MALAYSIA.pdf?swp=rr-rw-wc-36350858 (diakses pada 26 April 2020).
- Razali, Othman. 2017. Konsep Filantropi Dalam Sudut Pandang Islam. https://wazan.upm.edu.my/artikel/konsep_filantropi_dalam_sudut_pandang_islam-51237?L=en (diakses pada 1 Mac 2021).
- Utusan Online. 2017. Masjid Brunei Mercu Tanda 'Tersembunyi' di Danau Tok Uban. <https://www.utusan.com.my/berita/wilayah/kelantan/masjid-brunei-mercu-tanda-tersembunyi-di-danau-tok-uban-1.508192> (diakses pada 24 November 2018).

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.